

# LAPORAN KHAS

## 'Kurang guna dalam perbualan seharian'

**Kuala Lumpur:** "Kami pun serba salah, isteri orang Banjar tetapi saya orang Jawa, terpaksa cakap bahasa Melayu dengan anak," kata Selamat Abu, mengenai dilema golongan muda kurang mahir bercakap bahasa ibunda mereka.

Bagi bapa kepada lima anak ini, mereka terpaksa mengetepikan bahasa ibunda, kerana mahu bercakap dalam keadaan selesa dan mudah difahami.

Namun, Selamat, 49, mahukan semua anaknya yang berusia 10 hingga 23 tahun menguasai satu daripada dua bahasa, sama ada Banjar atau Jawa bagi memastikan warisan bangsa itu terus kekal.

"Saya bernasib baik kerana ibu mentua (Zahrah Abd Karim, 70) tinggal bersebelahan. Dia selalu bercakap bahasa Banjar dengan anak. Anak saya masih boleh bertutur bahasa Banjar, walaupun tidak lancar," katanya yang mahir bertutur bahawa Jawa dan kini berniaga pisang goreng di Parit 6 Timur, Sungai Besar, Selangor.

### Bahasa Banjar kurang digunakan

Penjaja ini sebahagian responden kajian BH mengenai isu bahasa suku Banjar yang dikatakan semakin pupus, kerana kurang digunakan dalam perbualan harian.

Sebelum ini BH melaporkan, hanya generasi berusia 50 tahun ke atas yang masih aktif dan boleh bertutur bahasa suku dengan baik, manakala golongan 40 tahun ke bawah semakin pudar penguasaan mereka.



Kami serba salah, isteri orang Banjar tetapi saya Jawa, terpaksa cakap bahasa Melayu dengan anak"

**Selamat Abu,**  
Penjaja



Apabila menyambung pelajaran ke UIAM, saya mula kekok bersembang bahasa Banjar"

**Nurhusna Hanis Mohd Yassin,**  
Peniaga



Golongan muda semakin kurang bertutur bahasa Banjar disebabkan ramai yang merantau"

**Mohd Fayyadh Selamat,**  
Generasi muda Banjar

# Jangan malu mengaku Banjar

➔ Bahasa ibunda kian dilupakan, tidak dipraktik berisiko pupus

**Oleh Mohd Azis Ngah**  
azis@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**residen Pertubuhan Al-Banjari Kuala Lumpur-Selangor, Zainal Abidin Rahmat, mengakui dilema penggunaan bahasa ibunda mereka seumpama 'hidup segan mati tak mahu.'



**Zainal Abidin menunjukkan sebahagian koleksi senjata** digunakan keturunan Banjar di Wisma Kulaan, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

Anak Selamat, Mohd Fayyadh Selamat, 20, mengakui golongan muda sepertinya semakin kurang bertutur bahasa Banjar, disebabkan ramai yang merantau kerana belajar atau bekerja di luar penempatan asal.

“Saya masih boleh bertutur bahasa Banjar, tetapi kurang mahir dan cuma berbual dengan ahli keluarga. Ada rakan yang tinggal di sini masih fasih bercakap bahasa Banjar,” katanya yang menetap di Seri Kembangan dan bekerja di Puchong, Selangor.

Satu lagi pasangan kahwin campur yang menghadapi dilema sama ialah Nurhusna Hanis Mohd Yassin, 30, kini menetap di Sabak Bernam.

### Guna bahasa Melayu elak keliru

Nurhusna Hanis dan suaminya, Sharizal Abu Nazri, 29, kini menjual kuih di pekan Sabak Bernam dan menggunakan bahasa Melayu sebagai perantaraan.

“Saya boleh berbual dalam bahasa Banjar kerana membesar di sini dan ibu bapa saya adalah orang Banjar. Apabila menyambung pelajaran ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan tinggal berjauhan dengan keluarga, saya mula rasa kekok untuk bersebab bahasa Banjar,” katanya.

Menurut Nurhusna Hanis, selepas berkahwin dengan Sharizal yang berketurunan Melayu dari Perak, Nurhusna mula kembali bertutur bahasa Banjar kerana tinggal berhampiran keluarga, serta penempatan asal suku berkenaan di Sabak Bernam.

“Memang kahwin campur menyebabkan kita tinggalkan bahasa ibunda. Tetapi semua ini boleh diperbaiki jika pasangan sanggup belajar dan saya memang menyokong idea kelas bahasa suku di sekolah,” katanya.

Tanpa berselindung generasi kelima keturunan Banjar (sebelah ibu), iaitu Arbayah binti Zakaria bin Salleh bin Sakun yang berhijrah dari Banjarmasin, Indonesia, ini mendedahkan keluarganya sendiri sudah tidak boleh berbahasa ibunda mereka.

“Kalau sayangkan bahasa ibunda, kena selalu amalkan. Jangan biarkan ia ditelan zaman.

### Pertahan warisan

“Ini warisan kita, ini harta kita. Ia mesti dipertahankan,” katanya yang mengakui terkilan kerana semua enam anaknya tidak boleh bertutur bahasa Banjar.

Walaupun mereka masih boleh memahami beberapa patah perkataan Banjar, Zainal, 64, mengakui, semua senario itu menjadi petanda di mana kedudukan sebenar bahasa berkenaan.

Anak ke-11 daripada 13 beradik ini berkata, semua adik-beradiknya boleh bertutur bahasa Banjar walaupun ada antara mereka yang dianggap bertutur ‘Banjar Rakai,’ merujuk kepada penggunaan bahasa campuran atau rosak.

“Sekurang-kurangnya mereka masih mahu dan boleh bertutur bahasa Banjar, walaupun

## PENEMPATAN UTAMA BANJAR DI SEMENanjung



GRAFIK BH

tidak sepenuhnya dan bercampur-campur.

“Anak saya langsung tidak boleh. Mereka faham beberapa patah perkataan, tetapi tidak boleh bertutur bahasa Banjar,” katanya merujuk kepada enam anaknya berusia antara 18 hingga 41 tahun yang tinggal di

Selayang.

Bahkan Zainal mengakui, kadang-kala generasi muda mengejek apabila mereka bertutur bahasa Banjar.

“Walaupun mungkin mereka tidak berniat apa-apa atau sekadar mahu bergurau, ia menunjukkan mereka tidak ber-

minat dengan bahasa ibunda. Mungkin mereka malu,” katanya.

### Tonjol istilah bahasa Banjar

Pada masa sama, Zainal juga menggunakan pendekatan dengan menonjolkan istilah bahasa Banjar secara lebih kerap dan kekal.

Contohnya, dengan menamakan sebuah bangunan di Selayang Baru sebagai Wisma Kulaan, Koperasi Pembangunan Kulaan Berhad serta mewujudkan laman web [www.banjar-world.org](http://www.banjar-world.org).

Kulaan membawa maksud bersaudara, keluarga atau adik-beradik atau mempunyai hubungan yang sangat rapat.

Di pintu masuk ke Wisma Kulaan itu, ditampal poster kecil menggunakan ayat ‘Kulaan Niring, Napa Takurihing’ yang bermaksud ‘saudara pandang-pandang, kenapa senyum-senyum’.

Poster ini sebenarnya memberi peringatan bahawa setiap orang Banjar bersaudara, perlu sering bertegur sapa untuk mengeratkan hubungan sesama sendiri.

➔ **Ikuti rumusan kajian Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam siri ketiga mengenai bahasa etnik semakin pupus esok.**